# e-Bulletin ACIS

**Edisi** 1/2020

https://acis.uitm.edu.my/
https://www.facebook.com/acis.uitm
e-ISSN 2735-0991












# Isi Kandungan.


| | |
|---|---|
| Isi Kandungan | 1 |
| Perutusan Dekan | 2 |
| Sidang Redaksi | 3 |
| Pentadbiran ACIS | 4 |
| Kunjungan Mesra Naib Canselor UiTM ke ACIS | 5 |
| Staf Lantikan Baharu & Kenaikan Pangkat | 7 |
| Staf Bersara & Baharu | 8 |
| Coretan Merdeka | 9 |
| Norma Baharu | 10 |
| Tazkirah 3 Minit | 11 |
| Online Distance Learning | 12 |
| Bengkel Penulisan Berimpak Tinggi | 13 |
| Ekspo Selangkah Ke UiTM | 14 |
| Bengkel TOT Kursus Falsafah & Isu Semasa | 15 |
| Perkongsian Akhbar | 17 |
| Go Green University | 19 |
| Program-program Pelajar | 20 |
| Perkongsian Ilmu | 27 |
| Online Halal Executive | 29 |
| ZAWFI 2020 | 30 |
| Lawatan Mahabbah | 31 |
| Belasungkawa | 32 |

# Perutusan Dekan.



**Professor Madya**
**Dr. Nurhidayah Muhamad Hashim**
Dekan ACIS

Selamat Datang ke Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Pada tahun 2020 ini, seluruh dunia menghadapi cabaran hebat apabila pandemik COVID-19 menyerang. Perubahan yang tidak pernah terjangka perlu digerakkan untuk mendepani pandemik ini, termasuklah sektor pendidikan. UiTM secara umum dan ACIS secara khusus tidak dapat lari daripada turut serta dalam menghadapi perkara ini. Open & Distance Learning (ODL) dalam PdP menjadi norma baharu untuk pensyarah ACIS dan juga pelajar. Ada di kalangan pensyarah ACIS yang tidak pernah menggunakan Zoom, Cisco Webex kini semakin mahir mengguna kaedah maya ini. Beberapa sesi memperkasakan pensyarah dalam mengguna pakai segala kaedah maya dijalankan di peringkat dalaman.

Justeru, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah ACIS yang begitu komited dan bersungguh-sungguh untuk memastikan PdP dapat berlangsung dengan baik sehingga akhir semester ini. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar program ACIS serta semua pelajar di semua fakulti yang mengambil mata pelajaran universiti (MPU) yang ditawarkan ACIS di atas kerjasama diberikan. Penghargaan juga saya panjangkan kepada semua staf pentadbiran ACIS yang telah bekerja keras memastikan semua urusan pentadbiran berjalan lancar walaupun bekerja dari rumah pada beberapa bulan terawal PKP dilaksanakan.

Semua maklum bahawa pihak pengurusan UiTM telah melancarkan Pelan Strategik UiTM2025 ke arah transformasi universiti menjadi universiti terkemuka dunia dengan moto 'Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan' dan tiga nilai bersama iaitu ESI-Kecemerlangan (Excellence), Sinergi (Synergy) dan Integriti (Integrity) serta nilai kendiri seluruh warga iaitu iDART - Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggung jawab. Semua ini seharusnya menjadi motivasi kepada seluruh warga ACIS untuk bergerak ke hadapan untuk menyerlahkan potensi kita bersama. ACIS komited menyokong Pelan Strategik UiTM 2025 dan akan berusaha melaksanakan inisiatif tertentu yang akan melonjakkan ACIS ke tangga yang lebih cemerlang.

E-Buletin yang ditatap bersama ini merupakan edisi pertama yang disiarkan oleh ACIS. Saya berharap agar e-buletin ini dapat menjadi medium perhubungan, sumber maklumat terutama melibatkan penglibatan warga ACIS sepanjang tahun. Penerbitan e-buletin ini tidak akan berlaku tanpa kesungguhan seluruh Sidang Redaksi yang berusaha tanpa jemu dalam mencari bahan, merangka rencana dan mendapatkan maklum balas tentang draf yang dibuat. Saya mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan semua, termasuk Cik Nor Suraya Sanusi, pelajar USIM yang menjalani Latihan Industri di ACIS yang banyak membantu usaha menerbitkan e-buletin ini. Terima kasih kepada semua.



UiTM di hatiku

# Sidang Redaksi.



**Profesor Madya**
**Dr. Nurhidayah Muhamad Hashim**
Penasihat | nurhi923@uitm.edu.my



**Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif**
izzatamsyar@uitm.edu.my

Setinggi-tinggi puji dan syukur dirafakkan kepada Ilahi, E-Buletin ACIS Edisi 1/2020 berjaya diterbitkan untuk bacaan semua terutama warga ACIS khasnya. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Sidang Redaksi E-Buletin ACIS Edisi 1/2020 juga Unit Perhubungan Korporat dan Media, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, atas usaha yang jitu serta bertungkus-lumus mengorbankan masa, tenaga dan fikrah bagi memastikan kejayaan penerbitan E-Buletin ACIS yang pertama ini. Dengan terbitan E-Buletin ACIS Edisi 1/2020 ini kita dapat melihat kepelbagaian aktiviti yang telah dianjurkan di ACIS disamping penting sebagai usaha yang terbaik untuk mempertingkatkan ketampakan ACIS. Akhir kata, saya mewakili sidang editor E-Buletin ACIS Edisi 1/2020, memohon ampun dan maaf atas segala kekurangan serta kelemahan yang terkandung dalam edisi ini. Diharap semua pembaca mampu memanfaatkan segala maklumat dengan sebaiknya untukkesejahteraan semua.



**Raudha Md. Ramli**
raudha@uitm.edu.my



**Ikmal Hafiz Jamal**
ikmalhafiz@uitm.edu.my



**Nur Hidayah Zainal**
nurhidayah7297@uitm.edu.my



**Mohd Zaid Daud**
mohdzaid@uitm.edu.my



**Mohd Dzul Hatta Abdul Kamal**
dzul_hatta@uitm.edu.my



**Mohd Norazri Mohamad Zaini**
norazri7082@uitm.edu.my

# Pentadbiran Acis 2020




### Duduk dari Kiri ke Kanan

Ust. Mohamad Shukran Abdul Razak (TDHEP), Prof Madya Dr Nurhidayah Muhammad Hashim (Dekan), Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim (Naib Canselor UiTM), Dr Amal Hayati Ishak (TDHEA) dan Prof Madya Ezani Yaakub (TDPJI).

### Berdiri dari Kiri ke Kanan

Prof Madya Dr Mohd Afandi Mat Rani (Koordinator ICAN), Dr Kamariah Yusoff (KPP Ijazah), Dr Hajar Opir (Koordinator SMIH), Ust. Azizon Salleh (Koordinator Ijazah (MPU), Ust. Mohammad Mahyuddin Khalid (Koordinator SMM), Ust. Fadhilah Adibah Ismail (KPP iCEPS), Dr Mohd Faiz Mohamed Yusof (Koordinator Pasca), Ust. Syuhaidah Idha Abd Rahim (KPP Diploma), Prof Madya Mahbob Haji Mahfot (Koordinator Elektif/Profesional), Ust. Siti Khurshiah Mohd Mansor (Koordinator Diploma), En. Muhammad Khalid Abdullah (Penolong Pendaftar Pentadbiran) dan Cik Asmiza Supar (Penolong Pendaftar Akademik).



# Kunjungan Mesra

## NAIB CANSELOR UiTM
KE AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)

Tanggal 6 Ogos 2020 merupakan hari yang penuh bersejarah bagi semua warga Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) kerana menerima kunjungan hormat daripada Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim. Ketibaan Datuk NC disambut oleh Dekan ACIS, Prof Madya Dr Nurhidayah Muhammad Hashim bersama barisan pimpinan ACIS yang lain dan dihadiri oleh hampir 100 orang warga dengan SOP penjarakan sosial yang dipatuhi bersama. Majlis berlangsung di Dewan Muktamar 1 pada jam 3.30 petang hingga 5.30 petang dengan dimulakan dengan pembentangan Dekan ACIS berkenaan kedudukan, pencapaian, kekangan dan usaha yang akan dijalankan oleh ACIS untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Pihak Dekan juga menegaskan bahawa ACIS akan sentiasa berusaha menyokong UiTM ke arah menjadi 'Globally Renowed University' dan menjadi tunggak kepada Nilai UiTM iaitu ESI dan iDART. Datuk Naib Canselor dalam ucapannya banyak menyentuh tentang pelan strategik UiTM 2025 dan harapannya agar warga ACIS akan terus ke depan dan tidak ketinggalan dalam semua usaha penambah baikan dalam mencapai sasaran UiTM. Beliau menekankan pentingnya ketampakan di mata dunia, kesan kedudukan 'ranking university', keupayaan kewangan Universiti, nilai ESI dan i DART dan hasratnya melihat bilangan pensyarah ACIS yang mempunyai PhD semakin tinggi dengan 'research grants' yang banyak. Pelbagai persoalan turut diajukan oleh para hadirin dan semuanya dijawab dengan jelas oleh Datuk NC. Seluruh warga ACIS mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Naib Canselor UiTM yang telah sudi berkunjung dan mengenali seluruh warga dalam Sesi Kunjungan Mesra ke ACIS pada kali ini.






# UiTM2025 Desired State

UiTM aims at becoming a Globally Renowned University by 2025.This goal is pillared by the UiTM2025, which charts the direction of the university. UiTM2025 anchors on three (3) strategic thrusts (Figure 8). Each strategic thrust is associated with identified strategic themes (ST). Quality Education is driven by three (3) STs. The second strategic thrust, Global Excellence, propelled by two (2) STs. Lastly, Value-Driven Performanceis catalysed by four (4) STs.






# Sekalung Tahniah.

## Lantikan Baharu

Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (HEA):
Dr Amal Hayati Ishak
Kpp Pasca Siswazah:
Prof. Madya Dr. Rafeah Saidon
Koordinator Penyelidikan & Inovasi (PI):
Prof. Madya Dr. Siti Khadijah Abd Manan
Koordinator ICAN:
Prof. Madya Dr. Afandi Mat Rani
Koordinator Keusahawanan - MASMED ACIS:
Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli
Koordinator Pasca Siswazah:
Dr Mohd Faiz Mohamed Yusof
Koordinator Muamalat:
Mohammad Mahyuddin Khalid
Penyelaras PRISMA:
Dr Ahmad Sabri Osman
Penyelaras Perancangan Strategik & Transformasi Universiti (PSTU):
Zakiah Samori
KPP ICEPS:
Fadhilah Adibah Ismail
Penyelaras ICEPS:
Farhaneen Afzal Mazlan

Ketua PROPENS:
Khairul Faezi Said
Ketua Unit Kualiti:
Prof. Madya Dr. Baterah Alias
Ketua HART:
Prof. Madya Dr. Fadilah Abd Rahman
Ketua Unit Perhubungan Korporat & Media:
Dr Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif
Ketua Unit Tatatertib ACIS & Ketua Editor JCIS:
Prof. Madya Dr. Noorul Huda Sahari
Liaison Officer OIA_ACIS:
Prof. Madya Dr. Nur Nafhatun Shariff
Penyelaras Penerbitan UiTM Press:
Dr Asmadi Yakob
Penyelaras Jadual Waktu:
Hanifah Musa Fathullah Harun
Penyelaras Research Ethics:
Dr Mohd Hafiz Mahaiyidin

## Kenaikan Pangkat

Prof. Madya Dr. Fadilah Abd. Rahman
Prof. Madya Dr. Nur Nafhatun Md Shariff
Prof. Madya Dr. Rafeah Saidon
Prof. Madya Dr. Huda Sahari









# Staf Bersara



16-05-2020 | 11-02-2020 | 14-02-2020 | 02-04-2020 | 29-09-2020 | 20-11-2020



27-10-2020 | 22-10-2020 | 28-10-2020 | 25-12-2020 | 01-07-2020 | 10-02-2020

Dari Kiri ke Kanan

Prof. Madya Dr. Huzaimah Hj Ismail, Prof. Madya Azam Hamzah, Prof. Madya Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Farahdina Abd Manaf, Wan Ab Aziz Wan Yaakub, Che Zaharah Abdullah, Mashita Abu Hasan, Azizah Hj Zakaria, Prof Madya Dr. Mohd Dani Muhammad, Noor Salwati Sabtu dan Norlela Mohd Yasin

# Staf Akademik Baharu



Dari Kiri ke Kanan

Dr. Muhamad Hasif Yahaya, Mohd Norazri Mohamad Zaini, Mohd Yusra Abdullah, Muhamad Afiq Abd Razak, Muhammad Najib Abdul Wakil, Ikmal Hafiz Jamal, Zainur Nadiyah Baharudin, Sumaiyah Bahri, Aishah Azlan, Ahmad Thaqif Ismail, Ulfah Mansurah Zainudin, Mohamad Afandi Md Ismail, Nurul Hasanah Tamili, Mohd Razlan Ahmad dan Ammar Ismail




# Coretan Kemerdekaan

## Menghayati Kemerdekaan Mendepani Cabaran Kontemporari

Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

Setiap rakyat Malaysia meraikan hari kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos setiap tahun. Namun, adakah kita peka dan memahami secara holistik dengan perkataan 'merdeka' yang diraikan? Lafaz 'merdeka' merupakan perkataan agung yang berkeramat, yang cukup menggetarkan hati orang-orang tua negara ini yang pernah merasai keperitan hidup dalam berjuang untuk membolehkan kalimah 'merdeka' dilaungkan. Umumnya, perkataan 'merdeka' adalah merujuk kepada suatu bentuk kebebasan daripada sebarang bentuk penjajahan untuk membolehkan kita berdiri di atas kaki sendiri.

Meskipun Malaysia telah 63 tahun merdeka, rakyat negara ini khususnya generasi muda perlu sentiasa menghayati nilai kemerdekaan yang dikecapi bahkan, cabaran paling besar yang perlu dihadapi secara bersama adalah untuk mengisi dan mempertahankan kemerdekaan. Setiap rakyat Malaysia perlu mempersiapkan diri dengan ketahanan semangat patriotisme dengan berpaksikan kepada prinsip Rukun Negara. Semangat patriotisme dan jati diri perlu dipupuk dalam diri setiap generasi masyarakat kerana keperibadian mereka akan mencerminkan keperibadian negara.

Jarak masa dan tempoh kemerdekaan, bukan menjadi kayu ukur dalam menilai kemajuan, dan kesejahteraan sesebuah negara yang bebas merdeka. Kejayaan sesebuah negara merdeka adalah turut bergantung kepada kesefahaman serta keyakinan yang erat terjalin antara pemimpin dan rakyat. Oleh itu, baca dan fahamilah sejarah. Hasrat untuk menjadi sebuah negara maju tidak akan tercapai tanpa kita melihat dan mengambil iktibar daripada sejarah yang dimiliki.





# Norma Baharu

## Pasca Covid-19

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pendekatan UiTM untuk melaksanakan PdP secara ODL, maka semua kod ACIS tidak terlepas sama. Pensyarah-pensyarah ACIS terus mengorak langkah mencuba pendekatan baharu bagi memastikan pelajar mendapat hak mereka untuk memperolehi ilmu dan pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak tertangguh.

## Syabas Acisian!





# Perkongsian Ilmu: Tazkirah 3 Minit

Sepanjang Ramadhan 1441H yang lepas, pensyarah ACIS tidak meninggalkan tugas hakiki mendidik anak bangsa secara formal mengikut kod subjek terlibat, bahkan menambahkan pendekatan mendekati pelajar dan warga UiTM melalui program sentuhan hati yang amat ringkas, iaitu Tazkirah 3 Minit. Program ini menggunakan tagline #dariACISuntuksemua# dan disiarkan melalui facebook ACIS dan juga youtube. Dengan penglibatan seramai 32 orang pensyarah ACIS, program santai ini mendapat sokongan dan sambutan yang menggalakkan dengan jumlah tontonan mencecah 8,987 bagi keseluruhan 32 episod. Antara sasaran ACIS adalah program sebegini akan dibanyakkan lagi demi mendekati masyarakat luar, berkongsi ilmu dan sekali gus membina ketampakan ACIS dalam masyarakat.



# Bengkel Penulisan Manuskrip Berimpak Tinggi



Bagi membantu pencapaian sasaran ACIS melibatkan penerbitan, seramai 30 pensyarah ACIS telah menghadiri Bengkel Penulisan Manuskrip Berimpak Tinggi pada 4-5 Februari 2020 bertempat di Bilik Seminar, Cempaka 5. Program anjuran Unit Penyelaras Penulisan dan Penerbitan (PRISMa) ACIS ini bertujuan untuk memberikan latihan praktikal kepada pensyarah ACIS kaedah dan tips menghasilkan artikel bagi tujuan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Terdapat 3 tajuk besar yang dibincangkan dalam program ini iaitu teknik penulisan, 'coaching session' dan kriteria pemilihan artikel Scopus. Program ini dibimbing sepenuhnya oleh Dr Norazmi Bin Anas, Pensyarah Kanan ACIS UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah dan program ini telah berjaya mengumpulkan 17 manuskrip untuk dihantar ke proses penilaian dan selanjutnya diusahakan untuk diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi terpilih.



# Ekspo Selangkah ke UiTM.



Pada bulan Mac lalu, Ekspo Selangkah ke UiTM yang diadakan di DATC UiTM Shah Alam telah diadakan dengan 34 'booth' pameran yang dijalankan oleh pihak fakulti-fakulti, pusat akademik dan banyak lagi. Taklimat untuk bakal pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke UiTM diadakan. Ini bertujuan mendedahkan maklumat penting untuk para pengunjung berkaitan fakulti dan program-program yang ditawarkan di UiTM.

Tidak kurang hebatnya kemeriahan di 'booth' ACIS dengan kehadiran pengunjung untuk mengetahui lebih lanjut tentang program Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal, Sarjana Muda Muamalat, Program Diploma Pengurusan Halal dan Diploma Muamalat serta program Plus Tahfiz yang ditawarkan oleh pihak ACIS.

Bakal mahasiswa boleh mendapatkan maklumat terkini tentang kemasukan ke UiTM, khidmat nasihat daripada Bahagian Pengambilan Pelajar dan Pusat Kerjaya & Kaunseling. Para pengunjung turut berpeluang menikmati aktiviti menarik seperti pemeriksaan kesihatan secara percuma, jualan produk fakulti, persembahan fakulti dan food truck yang telah disediakan.






Bengkel

# Training Of Trainers

## Kursus Falsafah & Isu Semasa

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kursus Mata Pelajaran Universiti (MPU) baharu iaitu Falsafah & Isu Semasa (CTU552) dan Penghayatan Etika & Peradaban II (CTU554) di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Penawaran kursus-kursus MPU baru ini selaras dengan hasrat kementerian untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa, menilai isu-isu semasa dan pembinaan insan yang beretika iaitu seimbang dan holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) diamanahkan untuk mengendali kursus-kursus MPU ini di peringkat universiti di seluruh negara.

Bagi meningkat kefahaman mengenai kursus baharu ini, ACIS Kampus Shah Alam telah menganjurkan Bengkel ToT Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini pada 7 - 8 Februari 2020 di Dewan Sri Impian Hotel UiTM Shah Alam. Bengkel ini telah dihadiri oleh 200 orang pensyarah ACIS dari seluruh kampus cawangan. Objektif utama penganjuran bengkel ini ialah menjelaskan kandungan silibus kursus Falsafah dan Isu Semasa selaras dengan misi dan visi kementerian, mewujudkan sesi perkongsian idea dalam kalangan tenaga pengajar dan memantapkan pengajaran dan pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa di peringkat Sarjana Muda.






Perkongsian dalam Bengkel ToT ini telah disampaikan oleh empat orang penceramah pakar dalam kursus MPU ini iaitu Prof.  Madya Dr. Amran Muhammad, Dekan Pusat Kajian Sastera Kemanusiaan dan Sains Sosial, Asia E University dengan tajuk, 'Kerangka Pengajian Kursus Falsafah dan Isu Semasa',  Dr. Mohd Farid Mohd Shahran dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan tajuk, 'Kaedah Berfikir'. Manakala  tajuk berkaitan Aplikasi e-Learning dalam Pelaksanaan Kursus MPU disampaikan oleh Dr. Hj Ahmad Nasir Mohd Yusoff dari Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia dan Dr. Nasruddin Yunos dari Pusat CITRA Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyampaikan tajuk 'Perlaksanaan High Impact Educational Practice (HIEPs) dan Best Practices untuk Kursus Falsafah dan Isu Semasa'.

Pengisian bengkel ini menjadi lebih bermakna apabila  YBhg Professor Ts. Dr. Haji Mohammad Kamal Haji Harun, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNCA) UiTM telah sudi menyampaikan tajuk 'Education 5.0 @ UiTM: Forging Ahead with Purpose'. YBhg. Prof banyak menyentuh peranan pensyarah ACIS yang sangat penting dalam menanam adab dan membina jatidiri pelajar UiTM agar mereka mempunyai  kemahiran berfikir yang betul,  amanah dalam tugasan terutama apabila mereka masuk ke alam pekerjaan kelak.






# Usaha Go Green University



Antara sasaran UiTM adalah melonjakkan usaha ke arah 'greenation university' dan menaikkan peratus Happiness Index dalam kalangan warga. Dalam hal ini, ACIS juga tidak mahu ketinggalan. Beberapa hari sebelum PKP bermula, ACIS sempat mengadakan Program Gotong Royong Perdana pada 29 Feb 2020 dengan objektif membersihkan bilik dokumen ACIS, bilik-bilik pensyarah di Bangunan Cempaka 4 dan Cempaka 5 serta mengumpulkan semua kertas dan dokumen yang boleh dikitar semula. Semua warga ACIS telah turun memberi kerjasama, berganding bahu termasuklah Dekan ACIS, para pensyarah, staf pentadbiran dan juga para pelajar ACIS. Di samping berjaya mencapai sasaran 5S, aktiviti ini juga dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim antara pelajar dan kakitangan dan meninggikan nilai kerjasama, kecemerlangan dan muafakat antara warga ACIS.

Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan agar semua warga ACIS dapat bersama sama menjaga setiap fasiliti yang telah disediakan supaya keselesaan dan kemudahan dapat dinikmati bersama secara berpanjangan. Tahniah diucapkan kepada semua warga yang telah bertungkus lumus menjayakan program gotong royong ini dan menyokong usaha UiTM kearah Go Green University.




# Pertandingan Button Badge Doodle Art.




Pada 26 Mac 2020 sehingga 2 April 2020, SMF ACIS UiTM Shah Alam telah menganjurkan Button Badge Doodle Art Competition yang bertemakan COVID19. Program ini dianjurkan bagi mengisi masa para pelajar sewaktu musim Perintah Kawalan Pergerakan dan mendokong semangat kekitaan dan memberi sokongan dan semangat padu kepada barisan petugas hadapan yang berusaha membanteras COVID19.

Penyertaan daripada siswa siswi ACIS amat menggalakkan dan 10 orang dengan button badge terbaik telah dipilih sebagai pemenang. Diharapkan program seperti ini dapat meletakkan siswa siswi sentiasa peka dengan isu semasa dan dalam masa yang sama dapat mencungkil bakat terpendam pelajar yang tidak terzahir di dalam kelas.
























# Pelajar ACIS: Surelawan Barisan Hadapan







Pelajar mengambil makanan disediakan di Pusat Khidmat Pelajar UiTM, Shah Alam susulan PKP. - Foto Foto Faiz Anuar/BH

Penularan pandemic COVID 19 memberikan kesan bukan semata mata kepada proses pengajaran dan pembelajaran, malah kediaman pelajar baik yang menetap di dalam kampus mahupun yang tergolong dalam komuniti non resident UiTM. Menjadi wira barisan hadapan, tidak bermakna anda perlukan uniform rasmi untuk berkhidmat. Peluang yang ada sewaktu musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)  digunakan sebaiknya oleh lima orang mahasiswa ACIS untuk meringankan beban pihak lain. Muhammad 'Adlan Bin Suhaimi, Muhammad Hafizzuddin Bin Bahari, Nabil Mabrouk Bin Makmor, Wan Helmi Hamizi Bin Wan Azman dan Hakimi Zulkifli telah bertindak sebagai sukarelawan barisan hadapan komuniti Non Resident UiTM membantu dari awal musim PKP sehingga ke detik akhir penghantaran pulang semua pelajar UiTM. Khidmat dan bakti mereka amat dihargai oleh seluruh warga UiTM dan menjadi satu kebanggaan buat ACIS dan telah ditemubual oleh pihak TV. Semoga Allah memberkati dan mengganjari pengorbanan dan penat lelah mereka dengan sebaik baik ganjaran, Insyaallah.

#DariACISuntuksemua










# Outbound

Halal Science Center (HSC) Chulalongkorn University Thailand

Sekumpulan pelajar Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal, ACIS berpeluang mengadakan kunjung hormat ke Halal Science Center (HSC) Chulalongkorn University Thailand. Program ini merupakan satu usaha kerjasama strategik di antara ACIS dan Chulalongkorn University. Pelajar yang terlibat diberikan pendedahan berkait teknologi terkini dalam industri halal, selain membincangkan peluang untuk kolaborasi di masa hadapan.

Pelajar juga seterusnya melakukan kunjung hormat ke Central Islamic Council of Thailand (CICOT), dan berpeluang untuk mempelajari prosedur persijilan halal luar negara. Foreign Halal Certification Body (FHCB) di Thailand yang sedikit sebanyak berbeza dengan amalan standard operasi yang dipraktis Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).






# Outbound

## International Halal Science and Technology Conference Competition

Pada penghujung Disember tahun 2019 juga (20-22 Disember 2019), beberapa orang pelajar Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal ACIS telah hadir dan membentangkan beberapa hasil kajian berkaitan Halal dalam International Halal Science and Technology Conference Competition di Bangkok, Thailand. Pasukan yang di selia oleh Dr Nur Farhani Zarmani dan Ustaz Mohd Zaid Bin Daud telah memenangi beberapa kategori yang dipertandingkan antaranya termasuklah Best Presentation.

Selain itu, pasukan mahasiswa ACIS yang diwakili oleh kumpulan Muhammad Izzudin dan Ahmad Amirul Azhan telah memenangi tempat kedua pembentang terbaik bagi kategori Pembentangan Poster. Semoga kemenangan di peringkat antarabangsa ini memberikan inspirasi dan semangat kepada siswa siswi ACIS keseluruhannya bagi melonjakkan pencapaian ACIS di mata dunia.






# Outbound

Seoul | Korea

Korea adalah antara tempat tumpuan pelancong terutama bagi yang meminati muzik dan drama Korea. Hakikatnya terdapat lebih 135,000 umat Islam di Korea Selatan dengan Seoul Central Mosque menjadi tarikan utama pelancong Muslim yang berkunjung ke Korea. Perkembangan industri halal antarabangsa turut memberi kesan kepada Korea. Ini telah menarik minat sekumpulan pelajar Diploma Pengurusan Halal ACIS bagi mengadakan lawatan akademik ke Seoul, Korea. Program yang berlangsung daripada 9 sehingga 14 Februari 2020 ini diikuti oleh 24 orang pelajar dengan tiga pensyarah pengiring. Ia memberikan pendedahan yang sangat bermakna kepada pelajar berkaitan pengurusan dan prosedur halal di luar negara.

Selain menyantuni budaya setempat di sekitar Seoul, lawatan akademik ini disempurnakan dengan menghadiri Seminar 'Halal, Muslim friendly Marketing Development Seminar' yang diadakan di Seoul Startup Hub, Mago-Pu, Seoul. Selain daripada itu, pelajar juga diberi pendedahan daripada wakil industri seperti sesi perkongsian daripada Korea Muslim Federation dan wakil dari syarikat penterjemahan "The Arab". Semoga lebih banyak lagi program bertaraf antarabangsa dapat diikuti yang memberi manfaat kepada siswa siswi ACIS.






VIRAL

Ketepi keinginan beli kereta, graduan kerja kilang mampu capai target miliki rumah pada usia 22 tahun - "Dari segi gaji, mula-mula bagi mak dulu"

Sabtu, 04 Julai 2020 2:00 PM

Oleh: MOHD IZZAT MOHD KHALIZAN

# Kejayaan Istimewa

## Pelajar ACIS

Kejayaan tidak harus dihadkan kepada pencapaian markah dan gred tertinggi akademik sahaja, tetapi melangkaui aspek Ko kurikulum dan skil diperlukan dalam kehidupan.
Antara yang menarik perhatian adalah kejayaan 2 orang mahasiswi ACIS yang berjaya memenangi tempat pertama dan ketiga bagi sebuah pertandingan menulis puisi yang bertemakan COVID-19. Ini merupakan pertandingan anjuran Kolej Melati UiTM Shah Alam sebagai salah satu usaha untuk memupuk sikap prihatin di kalangan masyarakat terhadap pandemik yang sedang melanda dunia pada ketika ini. Tahniah daripada ACIS di atas pencapaian tersebut.

Selain daripada itu, seorang lagi mahasiswa ACIS telah berjaya mencuri tumpuan apabila berjaya memiliki sebuah rumah milikan sendiri pada usia muda iaitu pada usia 22 tahun. Kejayaan tersebut lebih manis apabila rumah yang dibeli tersebut didedikasikan memenuhi hajat ibu beliau yang merupakan seorang ibu tunggal. Kejayaan-kejayaan ini seharusnya menjadi pendorong kepada semua pelajar lain untuk mencapai kejayaan dalam semua aspek kehidupan terutama melibatkan diri Muslim yang holistik.


Harian Metro

April 21 ·

#KualaLumpur Karya puisi pelajar dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) itu memenangi tempat pertama Pertandingan Puisi anjuran Kolej Melati Universiti Teknologi Mara Shah Alam. https://www.hmetro.com.my/.../puisi-buat-jentera-barisan...






# Program Pelajar

Sebaik baik manusia, adalah manusia yang memberi manfaat kepada manusia yang lain. Menyedari hakikat pentingnya menjadi individu berimpak kepada masyarakat umumnya, ACIS amat menggalakkan sumbangan siswa dan siswi dalam apa jua lapangan. Di atas platform ini, dan bertepatan dengan norma baharu, beberapa siri perkongsian di youtube telah dijayakan oleh pelajar ACIS. Di antaranya adalah program Jentik Hati Ramadhan, yang memberikan ruang kepada pelajar Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal untuk berkongsi nasihat dan tazkirah ringkas sepanjang bulan Ramadhan.

Selain daripada itu, siri khas Wacana Halal dengan tajuk 'Hikmah Pengharaman Haiwan yang di Haramkan oleh Islam' telah disampaikan oleh saudara Mohd Azwan Bin Abdul Mutalib, mewakili Exco Kerohanian & Kebajikan Persatuan Pengurusan Industri Halal (HIMS). Program ini secara tidak langsung meningkatkan ketampakan dan sumbangan dakwah pelajar ACIS di platform media sosial. Semoga lebih banyak manfaat dapat disumbangkan oleh pelajar ACIS kepada masyarakat.




HIMS HALAL INDUSTRY MANAGEMENT SOCIETY
UiTM di hatiku

# Ringkasan Petunjuk Arah Kiblat.



Ustaz Mohd Paidi bin Norman
Pensyarah ACIS

Solat telah difardukan ke atas umat Islam melalui peristiwa Isra' Mikraj nabi Muhammad S.A.W. di mana solat menjadi tiang bagi agama Islam. Salah satu syarat sah solat adalah kewajipan menghadap kiblat ketika bersolat. Justeru, orang yang hendak menunaikan solat, wajib mengetahui arah kiblat dengan yakin sebelum menunaikan solat.

Dalam mazhab Syafie, terdapat 3 keadaan yang berhubung dengan permasalahan arah kiblat iaitu Kiblat Yakin, Kiblat Zhanni dan Ijtihad. Bagi tempat yang jauh seperti di Malaysia, ijtihad arah Kiblat boleh ditentukan melalui perhitungan falak atau astronomi dengan menggunakan peralatan yang bersesuaian seperti kompas, teodolit dan juga mata angin. Arah Kiblat juga boleh ditentukan berdasarkan kepada kedudukan matahari dan bintang. Kaedah-kaedah yang tersebut di atas digunapakai oleh umat Islam di seluruh dunia sehingga kini.

Terdapat beberapa kaedah dalam menentukan arah kiblat:
1) Kaedah Istiwa' A'dzam: Kaedah menentukan arah kiblat dengan tepat adalah dengan menggunakan kaedah Istiwa' A'dzam, iaitu merujuk kepada fenomena kedudukan matahari berada tepat di titik zenith Kaabah. Fenomena ini berlaku bagi negeri-negeri yang nilai latitudnya kurang daripada nilai sudut istiwa maksimum matahari sebanyak 23.5°.

2) Kaedah menggunakan buruj/bintang: Antara buruj yang memberi petunjuk terus ke arah kiblat adalah Orion. Ianya mempunyai 3 bintang yang berderetan iaitu Mintaka, an-Nilam dan an-Nitak. Arah kiblat boleh diketahui dengan mengunjurkan ketiga-tiga bintang ini ke arah barat. Walaubagaimanapun buruj ini hanya boleh kelihatan pada bulan-bulan Mac, Julai, dan Disember.

3) Kaedah menggunakan matahari terbenam: Menentukan arah kiblat berpandukan kepada kedudukan matahari terbenam sepenuhnya adalah tidak tepat, melainkan mengetahui perbezaan antara nilai azimut matahari dan azimut kiblat. Ini kerana kedudukan matahari akan sentiasa berubah-ubah iaitu 6 bulan kearah utara dan 6 bulan ke arah selatan..

4) Kaedah menggunakan kompas kiblat: Kompas merupakan alat yang mudah diperolehi dan digunakan untuk mendapatkan arah kiblat. Bagaimanapun cara penggunaannya perlulah betul kerana alat tersebut amat sensitif dengan tarikan magnetic seperti besi, arus elektrik, alat elektronik dan sebagainya. Namun ianya masih boleh digunakan sebagai langkah ijtihad terakhir dalam menentukan arah kiblat.

5) Kaedah menggunakan aplikasi telefon pintar: Dengan kemajuan teknologi, penentuan arah kiblat turut menjadi lebih mudah dengan adanya telefon pintar yang mempunyai sistem GPS dan akses internet. Terdapat aplikasi seperti myJakim yang dapat dimuat turun secara percuma daripada Google Play ke dalam telefon pintar. Aplikasi ini menggunakan data kedudukan GPS daripada pengguna telefon untuk menentukan arah kiblat di samping waktu solat. Walaupun terdapat lambakan aplikasi penentuan arah kiblat di telefon pintar pada masa kini, kita perlu berhati-hati dengan pemilihan aplikasi tersebut ekoran wujudnya aplikasi yang menunjukkan nilai perbezaan yang amat ketara daripada arah kiblat sebenar.



# Preventing Abuse
## Of Polygamous Marriage

Prof. Madya Dr. Rafeah Saidon

Polygamous marriage was prevalent in the pre-Islamic era. A man was absolutely free to take more than one wife and the marriage was entirely unrestricted, as there were no rules or restrictions whatsoever regarding polygamy. However, in the advent of Islam, the Qur'an reformed the existing law by restricting the number of wives a man might have concurrently to four. The Qur'an also authorised a man to practise polygamy with the condition that he can deal equitably between them. As stated in the Qur'an, "...marry women of your choice, two or three or four; but if ye fear that ye shall not be able to deal justly (with them), then only one," (al-Nisa': 3). Polygamy in Islam is neither mandatory nor encouraged, but merely permitted. Allah said in another verse, "you are never able to be fair and just as between women, even if it is your ardent desire..." (al-Nisa': 129). The combination of these two verses shows some discouragement of such plural marriages.

With regard to polygamous marriages, Malaysian laws have neither allowed nor prohibited it. It is left to the Court to decide based on the grounds they think fit. A Muslim man who wants to practise polygamy has to apply for and obtain prior written consent or permission from the Shariah Court judge. The application for permission must be submitted in the prescribed manner and must be accompanied by an iqrar (admission) stating the grounds on which the proposed marriage is alleged to be just or necessary, the present income of the applicant, particulars of his commitments and his ascertainable financial obligations and liabilities, the number of his dependants including would be dependants as a result of the proposed marriage, and whether the consent or views of the existing wives on the proposed marriage has been obtained.

To obtain the consent of the Shariah Court, the applicant of the polygamous marriage must satisfy four conditions. First, the applicant must prove that the proposed marriage is just or necessary having regards to, among others, sterility, physical unfitness for conjugal relations, wilful avoidance of an order for restitution for conjugal right, or insanity on the part of the existing wife or wives. Second, the applicant must prove that he has such means to enable him to support all his wives and dependants, including would be dependants. Third, the applicant must prove that he would be able to accord equal treatment to all his wives, as required by Hukum Syara'. Fourth, the applicant must prove that the proposed marriage would not cause legal harms to the existing wife or wives.

There are many court cases that illustrate this point. In the case of Mohd Izuddin Mohd Ilias v Rozeta Hasan ([2008] 4 ShLR 180), the judge stressed that Section 23 (4) was not intended to abolish polygamy, but to provide constructive conditions with the hope that justice could be achieved more effectively among Muslim families. In polygamy, justice is the main concern and it is a religious obligation. Other than fulfilling the conditions of polygamy, the applicant should obtain a written consent from the Shariah Court in which the failure will subject to penalty.

The existence of Section 23 is to control abuse of polygamous marriage as it stated that a marriage contracted without the court's permission shall not be registered under this Act/Enactment (Section 23 of IFLA 1984). However, the provision provides further that, if the court is satisfied that such marriage is valid according to Hukum Syara' the court could order it to be registered but is subjected to penalties as provided by Section 123.

The legal provisions on polygamy as discussed above are considered as guideline provisions to discourage abuse of polygamy, whereas the procedures are introduced to ensure equality in the treatment of co-wives. However, some states have different provisions, for example the state of Terengganu has no such condition, the only requirement is obtaining the permission in writing of a Shariah judge (Section 21 of the Terengganu Administration of Islamic Family Law Enactment 1985).




# Online Halal Executive

Penganjuran Kursus Sijil Profesional Eksekutif Halal oleh Centre for Halal Research Training and Consultancy (HaRT) telahpun memasuki siri ke 11. Program yang berlangsung sepanjang 10- 21 Ogos 2020, membawa satu kelainan apabila buat julung kalinya ia diadakan secara online. Seramai 25 orang peserta telah mengambil bahagian dalam edisi kali ini bagi melengkapkan 5 modul wajib dalam tempoh 10 hari pengendalian secara maya. Program anjuran HaRT ini mendapat sambutan yang sangat baik di kalangan peserta dalam dan luar UiTM dan menaikkan nama ACIS dalam masyarkat.





UiTM di hatiku

4th International Virtual Conference on Zakat, Waqf & Islamic Philanthropy

# ZAWFI 2020

## Seminar Antarabangsa Zakat, Wakaf & Filantropi Islam

*"Philanthropy 4.0 Model Towards Empowering Ummah with Technology"*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam telah menganjurkan 4th International Virtual Conference on Zakat, Waqf and Islamic Philanthropy (ZAWFI) pada 17 September 2020. Program ini yang diketuai oleh Ustz Sharifah Fadilawati Syed Abdullah sebagai Pengarah dan dibantu oleh PM Dr Afandi Mat Rani dan kumpulan AJK yang komited telah menerima 130 kertas kerja berkaitan bidang ini. Program tahunan anjuran IKaZ, ACIS ini merupakan Konferens yang selalu dinanti-nantikan oleh pengkaji bidang Zakat, Waqaf dan Filantropi. Pada kali ini, ZAWFI menerima penglibatan tajaan dan kerjasama daripada pelbagai organisasi. Antaranya adalah NAMA Foundation, Permodalan Nasional Berhad (PNB), UDA Holdings Berhad, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat & Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM), Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPFS) UiTM Cawangan Melaka, Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf, Universiti Teknologi MARA, Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad, Ikatan Ahli Ekonomi Islam Indonesia (IAEI), BAZNAS Center of Strategic Studies (Puskas BAZNAS), Institut Pertanian Bogor (IPB) dan juga pihak MAIWP.

ZAWFI 2020 ini sangat bermakna apabila berjaya menampilkan dua orang tokoh kewangan Islam sebagai pengucaptama iaitu: Dr. Sri Muliyani Indrawati, Menteri Kewangan, Republik Indonesia yang menyampaikan ucaptama bertajuk 'The Future of Technology in Philanthropy'. dan juga ucaptama kedua disampaikan oleh Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi Panel Penasihat Syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB) bertajuk 'Philanthropy in IR 4.0: Sustainability and Empowering Ummah.' ACIS mengucapkan terima kasih kepada semua AJK dan semua rakan strategik yang bersama-sama menjayakannya.



# *Lawatan* *Mahabbah*





Kepimpinan ACIS sentiasa berusaha mengambil berat kebajikan warganya, terutama yang ditimpa ujian kesakitan dan lain-lain. Melalui JK Kebajikan & Pembangunan Staf ACIS yang diketuai oleh Ustazah Fatimah Salleh, kunjungan mahabbah dan pemberian sumbangan kerap dilaksanakan untuk menahirkan kebersamaan dan kasih sayang sesama warga ACIS. Kita doakan semoga semua sahabat yang diuji akan diringankan beban dan diberi kesihatan yang baik oleh Allah SWT.



# Belasungkawa



## Ustazah Nur Salwati binti Sabtu

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ٢
مَالِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ ٣ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ
نَسْتَعِيْنُ ٤ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ صِرَاطَ
الَّذِيْنَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ
عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّيْنَ ٦

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ

Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.
Surah al-Baqarah: 156

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan,
MALAYSIA
Emel: korporatacis@uitm.edu.my

**Terbitan**
Jawatankuasa Perhubungan Korporat & Media ACIS

eISSN 2735-0991
9772735099000

UiTM di hatiku